

Kemenangan rakyat: PM

SUBANG, Ahad — Kemenangan Barisan Nasional Sarawak (BN3) dalam pilihanraya semalam, membuktikan rakyat memberi kepercayaan kepada kerajaan pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, untuk pembangunan negeri itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir **Mohamad**.

Beliau berharap kerajaan negeri Sarawak akan terus menumpukan perhatian kepada pembangunan, selaras dengan hasrat mereka mengamalkan politik pembangunan.

"Saya a gembira dan berbangga dengan pencapaian BN Sarawak yang mendapat kemenangan besar, terutama sekali mengalahkan DAP yang tidak menang satu kerusi pun.

"Kemenangan (kecil) Parti Bansa Dayak Sarawak

(PBDS) sudah dijangka. Dan memang pun kita percaya mereka tidak mungkin mendapat sokongan untuk mendirikan kerajaan" katanya kepada pemberita sekembalinya dari New York, Amerika Syarikat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, pagi ini.

BN3 mencatat kejayaan cemerlang dengan memenangi 49 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak dalam pilihanraya negeri keenam, berakhir malam tadi.

PBDS cuma memperolehi tujuh kerusi berbanding 15 kerusi yang dimenangkannya dalam pilihanraya negeri 1987. DAP yang bertanding di 18 kerusi bukan saja gagal memenangi sebarang kerusi tetapi sebahagian besar calonnya turut hilang wang pertaruhan mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Haji Abdul Taib kerana kejayaannya serta berterima kasih semua pihak, termasuk anggota BN yang gigih berusaha menenangkan bukan saja dasar kerajaan negeri tetapi juga Kerajaan Pusat kepada penduduk Sarawak.

Mengenai kedudukan PBDS selepas pilihanraya negeri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu dibincangkan dengan Tan Sri Haji Abdul Taib, Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie dan pemimpin komponen BN lain di Sarawak dan Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pimpinan BN harus mengetahui keadaan dan pendirian sebenar semua pihak

sebelum membuat sebarang keputusan.

Ditanya sama ada PBDS akan diterima semula sebagai anggota BN Sarawak, Perdana Menteri berkata: "Semuanya mungkin. Yang lawan dengan kita dulu pun kita biasa terima. Yang kita tak terima, kita tak terimalah."

Mengenai cadangan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, untuk menggubal peraturan baru supaya semua komponen BN secara automatik menjadi anggota di peringkat negeri dan Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia adalah cadangan baik.

"Adanya perbezaan ini sekarang memang menimbulkan keadaan serba salah kepada kita," katanya.